

'AS kekal pelabur utama Malaysia'

New York: Meskipun wujud persaingan di antara Amerika Syarikat (AS) dengan China, selain berlaku ketegangan di Laut China Selatan dan peningkatan ketara pelaburan China di Malaysia sejak kebelakangan ini, namun AS kekal menjadi pelabur utama negara, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri menegaskan, Malaysia adalah sebuah negara merdeka, justeru mengalu-alukan perdagangan dan pelaburan daripada semua pihak.

Pentadbiran AS dahulu dan sekarang sentiasa menyokong dan menjadi sekutu tradisional, katanya.

“Kami juga mempunyai hubungan yang sangat erat dengan China. Saya berasa sele-

sa apabila bertemu Presiden Xi Jinping dan sudah bertemu tiga kali dengan Perdana Menteri Li Qiang,” katanya ketika sesi soal jawab pada acara Invest Malaysia New York di sini, kelmarin.

Terdahulu, beliau menyampaikan ucapatama *Regaining Malaysia's Lead in Asia* (Mengembalikan Penerajuan Malaysia di Asia) pada acara anjuran Bursa Malaysia itu.

Anwar berada di sini bagi menghadiri Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) Ke-78.

Lebih 100 wakil daripada syarikat utama AS dan pengurus dana menghadiri acara Invest Malaysia itu, selain perbincangan meja bulat dengan syarikat Fortune 500 yang

diadakan sebelumnya.

“Bagi saya situasi ini meletakkan Malaysia pada kedudukan yang unik untuk memanfaatkan dan meraih faedah daripada hubungan kami dengan AS dan China,” katanya.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan berkata, negara memperoleh manfaat daripada pelaburan besar oleh syarikat AS seperti Amazon Web Services, Boeing dan Intel yang semuanya berkembang secara besar-besaran di Malaysia.

“Malaysia, kekal sebagai antara negara yang mempunyai infrastruktur terbaik di rantau ini, dan sentiasa melaksanakan langkah untuk membantu pelabur yang bimbang mengenai isu seperti aspek mudah menjalakan perniagaan, prosedur ke-

wangan dan rasuah,” katanya.

Pada 2022, AS menyumbang kepada aliran masuk bersih tertinggi ke Malaysia, dengan nilai berjumlah kira-kira RM37.8 bilion.

Pada Ogos lalu, Duta Besar AS di Malaysia, Brian McFeters (berkhidmat di Malaysia sehingga 24 Ogos, 2023) berkata syarikat AS telah membuat komitmen pelaburan bernilai RM100 bilion dalam pelbagai sektor di Malaysia sejak 18 bulan lalu.

Beliau berkata, itu adalah pelaburan besar dalam bidang yang AS mahu memperkukuh kehadirannya, iaitu sektor elektronik dan semikonduktor serta segmen pusat data yang merupakan bidang pertumbuhan besar. BERNAMA